



MEMO  
PEJABAT PENGARAH  
HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II

Kepada : **SENARAI EDARAN**  
Daripada : PENGARAH  
Ruj. Fail : HRPZ II. 100-1/9/3 JLD.4 (39)  
Tarikh : 18 JULAI 2021  
Perkara : **TATACARA PROSEDUR UJIAN SARINGAN COVID-19 DAN HOME SURVEILLANCE ORDER (HSO) BAGI KAKITANGAN YANG MELAKUKAN PERJALANAN KE LUAR NEGERI BAGI URUSAN PERIBADI**

YBhg. Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Berikutan peningkatan jangkitan kes Covid-19 dalam kalangan petugas kesihatan terutamanya jangkitan varian delta Covid-19, langkah-langkah berikut perlu dilaksanakan oleh kakitangan yang melakukan perjalanan ke luar negeri atas **urusan peribadi** bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19 di tempat kerja:

- a) Semua kakitangan yang berhasrat untuk melakukan perjalanan ke luar negeri, perlu membuat deklarasi kepada Ketua Jabatan **sebelum** tarikh perjalanan;
- b) Setelah kembali dari melakukan perjalanan, kakitangan **DIWAJIBKAN** untuk menjalani *home surveillance order* (HSO) selama **tiga (3) hari** dengan menolak **cuti rehat** pegawai;
- c) Pegawai perlu menjalankan ujian saringan **PCR** di *Fever Center* pada hari kembali dari melakukan perjalanan dengan dikenakan bayaran sebanyak **RM 150.00**.

\*\*Surat Bahagian Kewangan, KKM bil. (4) KKM.400-9/1/3 Jld. 15 bertarikh 25 Jun 2020.

3. Oleh yang demikian, pelaksanaan arahan ini adalah **berkuat kuasa serta merta**. Sebarang ketidakpatuhan pegawai terhadap perkara ini boleh menyebabkan pegawai dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Sekian.

  
(DATO' DR. HJH. SELASAWATI BT HJ. GHAZALI)